



**BUTIR-BUTIR MESYUARAT YANG KETIGA  
BAGI PENGGAL YANG KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEENAM YANG TELAH DIADAKAN  
PADA 16 17, 18 DISEMBER, 1985**

MESYUARAT YANG KETIGA BAGI PENGGAL YANG KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEENAM YANG AKAN  
DIADAKAN PADA HARI ISNIN, 16 DISEMBER, 1985, JAM 9.30 PAGI  
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI LEBUH LIGHT, PULAU PINANG.

### SUSUNAN URUSAN MESYUARAT

1. Doa
2. Pengumuman oleh Tuan Speaker.
3. Membentangkan Risalah-risalah.
  - Bil. 8 Tahun 1985 – Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negeri, Pulau Pinang, 1986.
  - Bil. 9 Tahun 1985 – Anggaran Pembangunan Negeri Pulau Pinang, 1986.
  - Bil 10 Tahun 1985 – Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bagi tahun 1984.
  - Bil. 11 Tahun 1985 – Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember, 1982.
  - Bil. 12 Tahun 1985 – Laporan Ketua Audit Negara, Malaysia, mengenai Akaun-akaun Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember, 1982.
  - Bil. 13 Tahun 1985 – Penyata Kira-kira Majlis Perbandaran Seberang Perai bagi tahun berakhir 31 Disember, 1981.
  - Bil. 14 Tahun 1985 – Laporan Lembaga Biasiswa Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember, 1983.
  - Bil. 15 Tahun 1985 – Laporan Lembaga Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember, 1983.
4. Soalan-soalan
  - (A) Lisan
  - (I) Y.B. Encik Wong Hoong Keat bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-
    1. Nyatakan bagaimanakah biasiswa Negeri diperuntukkan dan kelayakan asas yang diperlukan bagi biasiswa ini dan juga bilangan pemegang-pemegang biasiswa tersebut berdasarkan pecahan mengikut kaum.

2. Adakah benar Kerajaan Negeri telah menawarkan kepada sebuah firma perunding Jepun untuk mengkaji dan memperbaiki sistem lalulintas? Jika ya, nyatakan hasil kajian dan kos perbelanjaannya.
3. Nyatakan berapa ramaikah pekerja-pekerja kilang yang telah diketepikan dalam Negeri ini, sebab-sebab pengenejian tersebut dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi mengawal keadaan ini?
4. Apakah tujuan utama projek KOMTAR dan bagaimanakah projek ini menguntungkan Kerajaan Negeri dan juga sebutkan kos perbelanjaannya dan bilakah ianya akan siap? Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa projek ini telah menyebabkan kos barangan dan harga tanah di sekitarnya melambung naik?
5. Apakah formula bagi memperuntukkan unit-unit rumah pangsa kos rendah? Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa beberapa di antara pemohon yang telah mengemukakan permohonan mereka begitu lama belum lagi diberi peruntukan manakala terdapat di antara pemohon-pemohon baru tanpa menempuh kesukaran telah diberi keutamaan? Jika ya, apakah tindakan yang telah diambil bagi memperbetulkan amalan ini?
6. Adakah kerajaan telah memutuskan untuk menyambut ulangtahun ke-200 Negeri Pulau Pinang? Jika ya, berapakah anggaran wang yang akan dibelanjakan dan apakah faedah yang diperolehi daripada sambutan ini dalam konteks kemelesetan ekonomi sekarang?
7. Nyatakan bilangan kereta-kereta kerajaan yang diperuntukkan bagi pegawai-pegawai kerajaan seperti Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ketua-ketua Jabatan dan juga perbelanjaan atas kenderaan-kenderaan ini bagi setahun. Berapakah kos dan nyatakan sebab-sebab pembelian kenderaan-kenderaan baru bagi Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan?
8. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengambilalih Jambatan Pulau Pinang dan pengurusannya? Jika tidak, apakah sebab-sebabnya?
9. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar tentang masalah banjir yang dihadapi oleh penduduk yang tinggal di Jalan Pintal Tali, Lebuh Kimberley, Jalan Kuala Kangsar dan sekeliling kawasan-kawasan tersebut? Jika ya, apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini?

(II) Y.B. Encik Lim Heng Tee bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. (a) Berapa banyakkah tanah padi terbiar di Negeri Pulau Pinang yang telah dipulihkan?
  - (b) Berapakah perbelanjaan untuk tujuan tersebut?
  - (c) Berapa ramaikah petani dan keluarga yang telah mendapat munafaat hasil daripada rancangan pemulihan ini?
2. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang rancangan untuk menyusun serta menempatkan semua kampung-kampung di luar bandar yang terpencil seperti Kampong Manggis, Kuala Tasik, Gajah Mati, Kampong Junjong, Bukit Teh dan lain-lain di kawasan Machang Bubok untuk dijadikan kawasan pertanian yang lebih besar dan kukuh berasaskan kepada konsep 'mini-estate' bagi meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi penduduk-penduduk di situ?
3. Berapa ramaikah pekerja dalam perusahaan elektronik dan tekstil di Negeri Pulau Pinang yang telah diberhentikan kerja sejak tahun 1984?
    - (a) Berapa ramaikah daripada pekerja-pekerja itu yang telah mendapat pekerjaan baru di tempat lain?
    - (b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membantu pekerja-pekerja yang telah diberhentikan dan keadaan sektor ekonomi pada keseluruhan?
4. Membalas ucapan penangguhan saya di Dewan Undangan Negeri pada 21.3.85 berhubung dengan perkara pembekuan permohonan tanah di Perkampungan Machang Bubok atas sebab adanya rancangan perumahan kos rendah kerajaan di sana, Pihak Berkuasa Negeri telah berjanji akan menimbang dengan seberapa segera sama ada mempercepatkan projek perumahan yang dicadangkan itu atau membuka semula permohonan untuk mendapatkan tanah di Kampung Machang Bubok.
 

Apakah keputusan pertimbangan yang telah diperolehi sejak itu?
5. Benarkah semua permohonan untuk mendapatkan tanah di perkampungan baru dan sekelilingnya telah dibekukan buat sementara sehingga selesai kajian semula dan perancangan yang menyeluruh?
 

Jika benar, sejauh manakah kajian semula dan perancangan menyeluruh itu dijalankan dan bilakah ia dijangka akan selesai?
6. Banyak geran tanah di perkampungan baru akan tamat tempohnya dalam tahun 1986.

- (a) Bilakah pemilik-pemilik itu patut memperbaharui geran-geran mereka?
  - (b) Bagaimanakah caranya mereka memperbaharui geran-geran berkenaan? Bolehkah proses permohonan itu dimudahkan supaya menjimatkan kos pentadbiran serta mengurangkan kesulitan yang dihadapi oleh rakyat?
  - (c) Berapakah kadar primium yang akan dikenakan? Adakah pihak kerajaan akan menimbang untuk memberi apa-apa pengurangan kadar memandangkan kehidupan penduduk-penduduk di situ adalah susah?
  - (d) Adakah kerajaan akan menimbang untuk memberikan geran yang lebih lama (66 atau 99 tahun) kepada semua tapak (plot) rumah supaya memberi lebih jaminan kepada pemilik-pemilik?
7. Adakah kerajaan akan menimbang memberi geran jangka panjang bagi menggantikan Lesen Pendudukan Sementara tahunan ke atas tanah pertanian untuk menggalakkan petani-petani membabitkan diri mereka dalam pelaburan jangka panjang?
8. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini:-
- (a) jumlah perbelanjaan 10 buah kereta Mercedes Benz yang dibeli oleh Kerajaan Negeri baru-baru ini;
  - (b) nombor-nombor pendaftaran untuk kereta-kereta baru ini; dan
  - (c) perbelanjaan atas alat-alat tambahan yang dipasangkan dalam setiap kereta mengikut nombor pendaftaran?
9. (a) Benarkah Kerajaan Negeri bercadang hendak menjual kereta-kereta yang telah digunakan oleh Ahli-ahli ex-officio dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri?  
Jika benar, berapakah harga-harganya?
- (b) Berapakah jumlah harga pembelian kereta-kereta yang lama itu?
  - (c) Berapakah perbelanjaan bagi memperbaiki dan menyelenggarakan tiap-tiap sebuah kereta yang lama mengikut nombor pendaftaran masing-masing' sejak dari tarikh pembeliannya?
  - (d) Adakah semua kereta itu diperbaiki dan diselenggarakan di bengkel kepunyaan syarikat penjual kereta yang berkenaan? Jika tidak, mengapa?

10. Berapakah jumlah lawatan yang telah diadakan ke luar negeri dan berapakah perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri dalam tahun-tahun 1983, 1984 dan 1985?

(Sila berikan butir-butir mengenai tarikh, tempat yang dituju, tujuan membuat lawatan tersebut, bilangan peserta dan sebutkan bilangan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, dan pegawai-pegawai yang mengikuti lawatan-lawatan berkenaan serta perbelanjaan yang terlibat dalam tiap-tiap lawatan itu)

III. Y.B. Tuan Haji Yahaya bin Ahmad bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Apakah sebabnya Kerajaan Negeri tidak menghantar wakil Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memberi penghormatan terakhir kepada Allahyarham Encik Mohd. Musli bin Jaafar, anggota Pasukan Keselamatan dari Kampong Suluk, Teluk Kumbar, Pulau Pinang, yang terkorban dalam peristiwa di Baling, Kedah pada 20.11.1985 jam 10.00 pagi baru-baru ini?

Apakah kurniaan atau hadiah boleh diberi kepada balu dan keluarga anggota yang terkorban sebagai penghargaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

2. Adakah kerajaan sedar bahawa akhir-akhir ini banjir telah melanda banyak kawasan yang belum pernah berlaku dahulu? Jika ya, apakah rancangan kerajaan bagi mengatasi masalah ini?
3. Adakah kerajaan sedar tentang bantahan orang ramai dan pertubuhan-pertubuhan sukarela terhadap cadangan kerajaan untuk merayakan perayaan 200 Tahun Pulau Pinang yang dianggap memuja penjajah dan menidakkan asal-usul Pulau Pinang yang dibuka oleh Sultan Kedah mengikut Sejarah Tanah Melayu?
4. Bilakah tempat melihat anak bulan hendak dibina di Pantai Aceh, Pulau Pinang seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan?
5. Bilakah Pejabat Ugama dan Mahkamah Syariah akan dibina di Daerah Barat Daya?
6. Adakah kerajaan sedar bahawa terdapat banyak parit tepi jalan yang telah tertutup dan tersumbat dan menyebabkan banjir apabila hujan lebat seperti yang berlaku baru-baru ini, terutamanya di kawasan Sungai Burong? Jika ya, apakah tindakan kerajaan untuk mengatssi masalah ini?
7. Adakah kerajaan sedar bahawa pada akhir-akhir ini banyak pukut

hanyut nelayan kecil dlanggar oleh kapal-kapal dagang yang melalui perairan Pulau Pinang walaupun terdapat isyarat-isyarat kedudukan pukat-pukat tersebut? Jika ya, apakah tindakan lanjut oleh pihak kerajaan?

8. Apakah rancangan kerajaan untuk membersihkan sungai-sungai daripada sampah-sampah buluh dan kayu yang selalu menghalang pengaliran air di sungai-sungai kawasan Balik Pulau?

Berapa lamakah tempoh sesuatu pembersihan itu dilakukan?

9. Adakah kerajaan sentiasa mengambil perhatian terhadap rungutan J.K.K.K., terutamanya terhadap papan-papan tanda di tepi jalan dan mengenai jalan yang berlopak-lopak?

10. Bilakah kerajaan akan membina jambatan untuk menghubungkan Kampung Rawai ke Kampong Nelayan, Teluk Bahang?

11. Berapa kerapkah sesuatu jalan itu ditarkan semula dan dibaiki?

Bilakah Jalan Pondok Upeh akan dibaiki dan diperbesarkan kerana jalan ini amat sempit dan terdapat banyak lopak-lopak yang merbahaya kepada kenderaan ringan?

12. Berapa unitkah alat-alat kelengkapan seperti disebutkan di bawah ini yang ditempatkan di J.K.R., Balik Pulau?

- (a) Lori
- (b) Jentolak
- (c) Stemroll

13. Berapa ramaikah pegawai dan kakitangan J.K.R. di Daerah Balik Pulau mengikut jawatan berikut;

- (a) Jurutera
- (b) Pembantu Teknik
- (c) Juruteknik
- (d) Mandor
- (e) Pemandu
- (f) Buruh Am

14. Saya difahamkan bahawa kerajaan akan menempatkan Pejabat J.K.R. Daerah di setiap daerah dalam Negeri Pulau Pinang.

Bilakah ianya akan diadakan di Kawasan Balik Pulau?

15. Berapa ramaikah pekerja-pekerja yang diambil bertugas di PESTA Pulau Pinang sepanjang bulan Pesta?

Berapa ramaikah pekerja-pekerja kilang yang telah dibuang kerja kerana pengurangan tenaga kerja telah diambil bekerja dengan PESTA Pulau Pinang?

16. Berapakah bilangan pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja di Dewan Sri Pinang mengikut jawatan-jawatan berikut:-

- (a) Pengurus Besar
- (b) Pembantu Pengurus
- (c) Juruteknik
- (d) Pekerja Am
- (e) Pegawai Keselamatan dan lain-lain lagi.

17. Adakah Kerajaan negeri telah menyusun senarai protokol negeri?

Jika ya, mengapakah tidak diumumkan bagi perhatian pegawai-pegawai dan orang-orang yang berkenaan?

IV. Y.B. Tuan Haji Md. Isa bin Haji Ramli bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Jika tanah rang yang akan dipulihkan ditanam selain daripada padi, umpamanya seperti tebu, jagong atau sayur-sayuran, adakah bantuan dari Kerajaan yang serupa dengan pemulihan tanaman padi boleh diperolehi?
2. Pembangunan yang begitu pesat di Kawasan Perai dan Seberang Jaya mungkin mengakibatkan pencemaran di Sungai Perai dan Sungai Juru. Apakah usaha-usaha yang boleh dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk mencegah pencemaran di sungai-sungai tersebut?
3. Untuk meningkatkan Syiar Islam di Negeri ini agar terus berkembang, adakah Kerajaan bercadang:-
  - a) untuk mengambil alih semua sekolah-sekolah ugama rakyat di Negeri ini; dan
  - b) menaikkan lagi bayaran sugu hati kepada pegawai-pegawai masjid di Negeri ini?
4. Bilakah kerja-kerja memperindahkan Ampangan Jajar akan dimulakan? Adakah Kerajaan Negeri bercadang hendak menjadikan Ampangan Jajar sebagai salah satu daripada tempat pelancongan di Seberang Perai?

V. Y.B. Tuan Haji Jusoh @ Haji Yusoff Hilmi bin Haji Shafie bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Adakah pihak Kerajaan Negeri sedar bahawa keadaan jalanraya di Simpang Tiga Keling, Pokok Sena hingga ke Simpang Tiga



Penanti terlalu buruk? Jika dilihat tar yang ditampung pada setengah-setengah tempat yang berlopak hampir sama banyak dengan longgokan tar yang asal dan menjadikan jalan tinggi rendah hingga menjadi rungutan rakyat.

2. Berapa banyakkah orang-orang yang telah diberi Lesen Pendudukan Sementara di Kampong Tok Jawa, Kampong Baru, Labuh Bantin dan Kampong Cegar?
  - a) Berapa ramaikah yang telah memohon geran kepada kerajaan?
  - b) Bilakah kerajaan akan mengeluarkan geran kepada mereka yang membuat permohonan?
  - c) Berapakah taksiran harga primium bagi tiap-tiap seekar yang dimiliki?
3. Adakah lagi unit-unit perumahan yang dibina oleh kerajaan yang masih belum diduduki dan tidak dapat dijual dan apakah sebabnya? Jika ada, nyatakan jumlah bilangan dan di kawasan manakah letaknya?
4. Adakah pihak Kerajaan Negeri sedar bahawa apabila musim hujan, banjir telah berlaku di kebanyakan kawasan di seluruh Negeri Pulau Pinang?
 

Adakah pihak Kerajaan Negeri telah mengadakan peruntukan bagi menggorek parit-parit di tepi jalan raya dan mendalamkan sungai-sungai yang patut diperdalam, diperluaskan serta mengadakan parit yang baru bagi mengelakkan dari berlakunya banjir?
5. Bilakah jalan merah yang dibina beberapa tahun yang lalu dari Jalan Padang Cempedak hingga ke Tasek Gelugor akan ditarkan?
6. Berapa banyakkah tanah-tanah rang yang belum dipulihkan mengikut daerah dan keluasan?
7.
  - a) Berapa ramaikah petani yang memohon untuk menyertai projek penggemukan lembu hingga sekarang?
  - b) Berapakah ekor lembu yang telah diberikan kepada pemohon-pemohon?
  - c) Bagaimanakah kejayaan yang diperolehi oleh penternak-penternak yang menjalankan usaha tersebut?
8. Adakah anak-anak udang galah telah dilepaskan di dalam Sungai Prai yang mana bertujuan bagi meningkat hasil pendapatan penduduk di sekeliling dan menampung sara hidup mereka?

9. Adakah Kerajaan Negeri bercadang akan menimbang semula kedudukan Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung yang telah memainkan peranan dalam usaha kemajuan dan keamanan di seluruh negeri ini dengan menambah elaun dan memberi keistimewaan hospital kelas kelas dua percuma?
10. Bilakah Pejabat Kadi akan dibangunkan di daerah-daerah di mana pengambilan tanah telah selesai dilaksanakan umapamanya Pejabat Kadi Kepala Batas dan Balik Pulau?

Bagaimanakah pula kedudukan Pejabat Kadi Daerah Butterworth dan Nibong Tebal?

VI. Y.B. Encik Teoh Teik Huat bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. a) Berapakah jumlah bilangan kereta Mercedes Benz 230E yang telah dibeli oleh Kerajaan Negeri untuk Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Speaker Dewan Undangan Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri?
- b) Bilakah Kerajaan Negeri membuat pesanan dan bilakah Kerajaan Negeri menerima pesanan kereta-kereta tersebut?
2. a) Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini laporan daripada tujuh orang ahli jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk menyiasat masalah setinggian Sungei Nibong Kecil yang telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri pada 1.7.1985?
- b) Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap masalah setinggian Sungai Nibong Kecil?
- c) Apakah tindakan yang telah diambil dan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah setinggian Sungei Nibong Kecil?
3. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa suatu keputusan dasar telah diambil ke atas rumah-rumah setinggian haram yang telah didirikan sebelum 23.11.1983 diberi maaf dan tidak akan diruntuhkan oleh Pihak Berkuasa Negeri? Jika ya,
  - a) mengapakah keputusan dasar ini diambil?
  - b) Atas dasar apakah tarikh 23.11.1983 itu dipilih sebagai tarikh luput?
  - c) Bilakah keputusan polisi ini diambil?
  - d) Siapakah yang membuat keputusan polisi ini?

4. a) Berapakah bilangan permohonan daripada orang-orang awam bagi pemberianmilik tanah-tanah Kerajaan Negeri yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 1957, 1958, 1975 dan 1976?
  - b) Berikan nama-nama pemohon;
  - c) tarikh permohonan-permohonan dikemukakan dan tarikh kelulusan atau kegagalan permohonan-permohonan tersebut;
  - d) lokasi dan keluasan tiap-tiap bidang tanah yang telah diberi-milik; dan
  - e) harga-harga yang telah dibayar oleh pemohon-pemohon yang berjaya?
5. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa jawapan Ahli dari Kawasan Tanjong Bungah kepada soalan lisan yang saya kemukakan pada tarikh 8.7.1985 di Dewan ini menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan menyambut uiahtahun ke 200 pembentukan Negeri Pulau Pinang pada tahun depan? Jika ya, mengapakah Kerajaan Negeri telah mengubah tujuan sambutan ulang tahun ke 200 kepada sambutan Perayaan Warisan Pulau Pinang?
6. a) Berapa lamakah jawatan Yang diPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai telah dibiarkan kosong dan berapa lamakah Pegawai Kewangan Negeri telah memangku jawatan tersebut?
  - b) Apakah sebab-sebab kelewatan dalam melantik Yang diPertua bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai?
  - c) Adakah Y.A.B. Ketua Menteri akan menimbang untuk melantik seorang Yang diPertua berketurunan Cina untuk memegang jawatan tersebut di Majlis Perbandaran Seberang Perai?
7. Apakah kemajuan yang telah dicapai setakat ini oleh jawatankuasa yang ditubuhkan bagi memberi perhatian kepada rayuan-rayuan orang awam terhadap kenaikan cukai tanah yang tinggi?
8. Memandangkan kepada hakikat bahawa selagi royalti tahunan sebanyak \$10,000.00 dibayar kepada Negeri Kedah, ianya masih membayangkan bahawa Negeri Pulau Pinang masih lagi sebahagian dari Negeri Kedah. Oleh yang demikian, adakah Kerajaan Negeri akan meminta Kerajaan Pusat menghapuskan warisan kolonial iaitu membayar royalti tahunan sebanyak \$10,000.00 kepada Negeri Kedah bagi pajakan Negeri Pulau Pinang?
9. Berapakah jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri sewaktu lawatan Perdana Menteri ke negeri Pulau Pinang dalam bulan Ogos, tahun ini? Berikan pecahan perbelanjaan tersebut.

10. Berapakah jumlah wang yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri bagi rawatan perubatan Y.A.B. Ketua Menteri di luar negeri pada tahun ini?
11. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa penyewa rumah-rumah di Jalan Magazine dan di kawasan sekelilingnya yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi projek KOMTAR telah diarahkan supaya mengikat perjanjian penyewaan rumah dengan Kerajaan Negeri? Jika ya, sila berikan sebab mengapakah perjanjian penyewaan sedemikian diperlukan?
12. a) Daripada 105 orang pemohon bagi perumahan kos rendah dalam tahun 1976 dan sebelumnya dan yang telah ditemui-duga oleh Bahagian Perumahan Negeri dalam bulan Februari, tahun ini, berapa ramai yang telah diperuntukkan unit-unit perumahan kos rendah itu?  
b) Apakah yang akan berlaku kepada baki pemohon-pemohon yang belum diperuntukkan unit perumahan kos rendah?
13. a) Berapakah jumlah bantuan kewangan secara langsung yang telah diperuntuk dan dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memajukan pelancongan di negeri ini daripada tahun 1980 sehingga ini?  
b) Apakah projek-projek pelancongan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 1980 sehingga ini?  
c) Apakah rancangan-rancangan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi memajukan pelancongan di negeri ini?
14. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar yang orang ramai dibenarkan membeli lebih dari satu unit perumahan yang dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan mereka yang memiliki rumah-rumah juga dibenarkan membeli unit-unit perumahan perbadanan tersebut? Jika ya, apakah rasional di sebalik tindakan perbadanan ini?
15. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa 11 keluarga seramai lebih kurang 50 orang yang dahulunya adalah penghuni-penghuni kepada rumah-rumah di Lebu Victoria yang telah runtuh masih lagi tinggal di Dewan Pusat Belia Pulau Pinang sejak 22.4.1984? Jika ya, mengapakah tiada sebarang tindakan yang diambil setakat ini untuk membantu keluarga-keluarga yang terlibat meskipun mereka telah merayu kepada Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Kawasan Sungei Pinang, bagi mendapat unit-unit perumahan kos rendah dan pinjaman yang telah beliau berikan untuk menyelesaikan masalah ini?

16. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa penyewa yang menggunakan kedai kopi dan juga tinggal di No. 146, Jalan Magazine telah diminta mengosongkan rumah tersebut dalam bulan Julai tahun lepas dengan perjanjian bertulis oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bahawa beliau akan diberi rumah yang lain dan sebuah lot kedai di Rumah Pangsa Batu Lanchang bila ianya telah siap untuk diduduki tetapi masih belum diberi peruntukan selepas 16 bulan? Jika ya, apakah sebab kelewatan tersebut dalam perkara ini dan bilakah perjanjian bertulis oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang ini akan dipenuhi?

VII. Y.B. Dr. Sak Cheng Lum bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. a) Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa masalah banjir di Butterworth semakin lama menjadi semakin teruk? Jika ya, bilakah kerajaan akan melaksanakan Pelan Induk Pamaritan bagi kawasan Butterworth? Adakah pelaksanaan pelan ini dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelima?
- b) Berapa banyakkah peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri sebagai langkah-langkah untuk mencegah masalah banjir baru-baru ini? Berapa banyakkah yang diperuntukkan bagi kawasan Butterworth? Apakah projek-projek yang telah dikenalpasti di bawah peruntukan yang telah ditentukan dan bilakah projek-projek ini akan dimulakan (bagi Butterworth sahaja)?

Adakah Kerajaan Negeri sedar tentang keadaan jalan di Jalan Raja Uda, Butterworth yang tidak rata dan berlopak-lopak dan telah lama tidak pernah diturap semula? Adakah kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk mengetarkan semula jalan tersebut? Berapakah peruntukan yang diperlukan bagi projek mengetar semula sepanjang Jalan Raja Uda?

3. Adakah pihak berkuasa Negeri yang berkenaan akan menimbang semula cadangan sistem trafik jalan sehalu di Jalan New Ferry, Jalan Assumption dan Jalan Bagan Dalam di Butterworth di tukar balik kepada sistem jalan dua hala disebabkan laulintas di jalan-jalan tersebut telah berkurangan selepas pembukaan Jambatan Pulau Pinang? Jika ya, bilakah cadangan ini akan dimulakan? Jika tidak, mengapa?
4. Apakah tujuan Kerajaan Negeri mengadakan 'Pesta Pulau Pinang' pada tahun hadapan? Apakah aturcara-aturcara yang telah dirancang?
5. Adakah Kerajaan Negeri sedar bahawa keadaan buruk di jalan-jalan

dalam Kawasan Perusahaan tidak berubah walaupun masalah ini telah dibangkitkan dalam Dewan ini dahulu dan beberapa aduan juga telah dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkenaan? Apakah rancangan-rancangan yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi membaiki jalan-jalan tersebut? Adakah peruntukan diberi untuk tujuan tersebut?

6. Adakah Bahagian Perumahan Negeri bercadang untuk mengadakan projek perumahan secara sewa bagi golongan yang pendapatan rendah? Apakah projek-projek yang telah dikenalpasti untuk tujuan ini? Berapakah kadar sewa yang dikenakan?
7. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengujudkan Lembaga Pembangunan Perumahan Negeri bagi Negeri Pulau Pinang? Sila berikan butir-butir.
8. Bagaimanakah penglibatan Negeri Pulau Pinang dalam Persidangan PATA yang akan dianjurkan oleh Malaysia tahun depan? Apakah aturcara-aturcara istimewa yang telah dicadangkan? Berapakah peruntukan yang akan dibelanjakan?
9. Adakah Kerajaan Negeri telah melaksanakan projek perumahan kos rendah di bawah rancangan pengswastaan? Dimanakah projek-projek tersebut, berapakah bilangan unit yang akan dibina dan bilakah projek-projek itu dijangkakan siap? Berapakah harga bagi unit rumah yang dibina di bawah rancangan pengswastaan dan berapakah ansuran bulanan yang perlu dibayar?

VIII. Y.B. Encik Teoh Kooi Sneah bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar tentang keadaan jalan-jalan di seluruh Seberang Perai Selatan, terutamanya Jalan Bukit Panchor, Jalan Permai, Jalan Che' Amat/Jalan Atas di Pekan Nibong Tebal, Jalan Gharry Kuchi, Jalan Kampung Valdor, Jalan Tasek dari Simpang Ampat hingga ke Junjong dan Jalan Besar dari Nibong Tebal hingga ke Permatang Keling, begitu buruk sekali dalam tempoh 4 bulan kebelakangan ini? Dalam pada itu nampaknya tidak pula sebarang tindakan diambil oleh mana-mana pihak yang bertanggungjawab. Keadaan jalan-jalan yang begitu buruk telah menyebabkan berlakunya beberapa kemalangan, yang ada di antaranya telah terkorban. Bagi mengelakkan berlakunya kemalangan-kemalangan seperti yang berkenaan yang terlibat secara langsung supaya mengambil tindakan segera membaiki jalan-jalan tersebut?
2. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar mengenai masalah bekalan air dan elektrik di Seberang Perai Selatan yang serngkali terganggu

ataupun tergendala? Jika ya, ekoran daripada itu, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan bagi mengawal dan seterusnya mengatasi masalah-masalah tersebut daripada terus berulang lagi?

3. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa Majlis Perbandaran Seberang Perai (M.P.S.P.) sekarang ini telah mengenakan satu syarat baru iaitu 'Kaedah-kaedah Perancangan Bandar dan Desa (M), 1985' di bawah Seksyen 21(1) terhadap semua permohonan bagi tujuan-tujuan sepertimana tersebut di bawah ini untuk mendapatkan persetujuan daripada pemilik-pemilik tanah yang berjiran:-
  - a) Memecah sempadan tanah.
  - b) Menyatukan tanah-tanah.
  - c) Membuat perubahan yang matan dalam penggunaan tanah.
  - d) Membuat perubahan yang matan dalam penggunaan bangunan.
  - e) Mendirikan sebuah rumah baru samada di atas tanah kosong ataupun menggantikan sebuah rumah/bangunan yang sedia ada di atas sesuatu tanah.
  - f) **Menjalankan** sesuatu tambahan atau pindaan ke atas sesuatu bangunan.

Disamping itu didapati Majlis-majlis Perbandaran yang lain tidak mengenakan sama sekali sebarang syarat atau kaedah-kaedah seperti mana yang disebutkan. Dengan perlaksanaan syarat-syarat atau kaedah-kaedah tersebut oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai itu adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar tentang banyaknya masalah, kesulitan serta kesukaran yang sedang dan akan terus dihadapi oleh pemilik-pemilik tanah yang hendak memajukan tanah mereka? Jika ya, adakah Y.A.B. Ketua Menteri bercadang untuk meminta pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai mengkaji semula prosedur ini?

4. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa kerajaan pernah bercadang hendak membina sebuah jambatan yang merentani Sungai Krian di Tanjung Berembang? Jika ya, bilakah cadangan tersebut akan dilaksanakan? Jika tidak, apakah sebabnya?
5. Disebabkan pembinaan jalan yang agak tinggi serta lencongan-lencongan yang kurang sesuai di Jalan Besar By-Pass Sungai Bakap secara langsung menyebabkan banjir kerap berlaku di sekitar kawasan Pekan Sungai Bakap, apabila musim hujan. Punca utama berlakunya banjir ini adalah disebabkan air tidak dapat mengalir dengan baik.

Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar yang masalah banjir ini secara

langsung menimbulkan kesusahan kepada penduduk-penduduk di kawasan ini? Jika ya, apakah langkah-langkah segera yang akan diambil bagi mengatasinya?

6. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar di Seberang Perai Selatan terdapat beberapa batang jalan tanah merah, yang telah dibina oleh kerajaan selepas Pilihanraya Umum 1978 bagi kemudahan penduduk-penduduk tempatan? Jalan-jalan yang dimaksudkan adalah:-
  1. Dari Padang Lalang ke Kepala Gajah.
  2. Dari Lima Kongsi ke Badak Mati.
  3. Dari Changkat Daim ke Sempah.
  4. Dari Sempah ke Sungai Kecil.
  5. Dari Bagan Buaya ke Ladang Changkat/Changkat Baroh.
  6. Dari Jalan Victoria ke Kampung Che' Isa.
  7. Dari Kampung Telok Sungai Kecil melalui Ampang Jajar, Ladang Transkrian dan keluar ke Jalan Parit Buntar.

Bilakah agaknya kerajaan bercadang hendak mengetar serta menaikkan taraf jalan-jalan tersebut supaya dapat digunakan dengan lebih sempurna oleh para pengguna jalan?

7. Kejadian tanah runtuh di sepanjang tebing Sungai Krian bermula dari bekas bangunan Ibu Pejabat Polis Daerah, Seberang Perai Selatan di Pekan Nibong Tebal hinggalah bertentangan dengan Tokong Cina di Jalan Telok Ipil, yang mana keadaan tanah yang runtuh agak serius dan menyebabkan beberapa rumah penduduk di sepanjang sungai tersebut berada dalam keadaan bahaya. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar tentang perkara ini? Jika ya, apakah tindakan segera yang dapat dilaksanakan bagi menahan tanah tebing sungai dari terus runtuh?

IX. Y.B. Encik Chin Nyok Soo bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Adakah Ketua Menteri sedar bahawa beberapa bahagian jalan dari SRJK (C) Kong Beng Cawangan Pusat hingga ke Paya Terubong dari Wisma Yatim di Jalan Thean Teik melalui Jalan Kampung Pisang hingga ke Paya Terubong adalah dalam keadaan buruk dan adakah kerajaan akan membaiki bahagian-bahagian jalan tersebut demi keselamatan pengguna-pengguna jalanraya?
2. Sejak tahun 1982, berapa banyakkah jalan-jalan kampung di Kawa-



san Paya Terubong yang telah diambilalih oleh kerajaan? Sila beri nama-nama jalan berkenaan dan adakah kerajaan akan mengambilalih jalan-jalan kampung yang lain di Kawasan Paya Terubong pada masa akan datang?

3. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa beberapa bahagian jalan dari rumah No. 606 sehingga 606-M yang berhampiran dengan perhentian bas Jalan Air Itam adalah dalam keadaan buruk dan apabila hujan air dari lopak-lopak akan terpercik ke dalam kedai disebabkan oleh kenderaan yang melalui jalan itu dan merosakkan barang-barang? Jika ya, bolehkah kerajaan akan membaiki bahagian jalan ini?

X. Y.B. Dr. Khoo Soo Kheng bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:-

1. Berapa banyakkah pusat pembayaran setempat yang memberi perkhidmatan di Pejabat Daerah, Sungai Jawi? Adakah beliau sedar bilangan pusat yang banyak akan mengakibatkan pembaziran tenaga manusia dan tidak selaras dengan kempen jimat-cermat yang dilancarkan oleh kerajaan? Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil bagi mengurangkan tenaga-manusia yang berlebihan itu?
2. Adakah Pengarah Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang telah menerima arahan dari Menteri Kerjaraya yang menetapkan supaya lopak-lopak jalan mesti diturap dalam tempoh masa 24 jam setelah aduan diterima? Adakah arahan ini telah dipatuhi dengan sepenuhnya di negeri Pulau Pinang? Mengapakah keadaan buruk di kebanyakan jalan di Seberang Perai terus dibiarkan walaupun banyak aduan telah dikemukakan kepada pihak berkuasa yang berkenaan? Adakah tindakan segera akan diambil untuk menurap jalan-jalan tersebut? Jika tidak, mengapa?
3. a) Adakah beliau sedar kawasan di rumah koperasi keretapi, Simpang Ampat, dan beberapa kawasan di Jabatan Haiwan, Air Lintas, Changkat, Sekolah Methodist, Kampong Tong Hai dan Taman Sentosa di Seberang Perai Selatan dilanda banjir pada 13.11.1985?  
 b) Jika ya, adakah kerajaan telah mengenalpasti punca-punca yang mengakibatkan banjir di kawasan-kawasan tersebut di atas dan apakah tindakan susulan yang telah diambil?  
 c) Jabatan kerajaan yang manakah yang bertanggungjawab atas pembersihan dan penyelenggaraan longkang-longkang monsun mulai dari Sekolah Methodist, melalui Taman Sri Nibong dan Taman Sentosa, hinggalah ke Pejabat Pos, Nibong Tebal?

Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar jabatan yang berkenaan kurang mengambil berat terhadap penyelenggaraan longkang-longkang monsun itu menyebabkan ia sentiasa tersumbat dan dipenuhi oleh lumpur, sampah-sarap dan rumput-rumpai?

4. a) Berapakah jumlah bilangan kampung-kampung baru terdapat di negeri Pulau Pinang?
- b) Adakah Kerajaan Negeri dibekalkan dengan butir-butir lanjut mengenai strategi pembangunan kampung-kampung baru yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Persekutuan dan apakah strategi pembangunan ini?
- c) Di bawah strategi pembangunan ini, berapa banyakkah peruntukan yang telah dikhaskan bagi setiap kampung baru di negeri Pulau Pinang?
- d) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menampung strategi pembangunan ini?

## B. BERTULIS

- I. Y.B. Tuan Haji Yahaya bin Ahmad bertanya kepada Ketua Menteri:-
  1. Bilakah Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Barat Daya akan dibina bagi menggantikan bangunan lama yang ada sekarang?
  2. Adakah Kerajaan sentiasa mengawasi jalan-jalan bukit di Telok Kumbar, Telok Bahang bagi mengatasi jalan dan tebing runtuh seperti yang telah berlaku di atas bukit dari Telok Kumbar ke Balik Pulau?
  3. Adakah Kerajaan merancang untuk membina rumah rehat Kerajaan di kemuncak Bukit Jalan Tun Sardon bagi kegunaan masyarakat Balik Pulau dan Pulau Pinang amnya?  
Sekiranya tidak, adakah Kerajaan bercadang untuk mengswastakan projek ini?
  4. Adakah Kerajaan sedar bahawa terdapat pengusaha atau pemaju membuang batu-batu besar di rezab Jalan Paya Terubong dan dengan perbuatan ini akan mengakibatkan berlakunya banjir dan kerajaan terpaksa mengeluarkan belanja besar apabila tanah ini hendak dimajukan bagi projek perumahan pada masa akan datang?
  5. Bilakah bairup di pintu masuk ke Kuala Sungai Pinang yang telah tumbang akan dibina semula?

6. Bilakah Kerajaan hendak mengorek Sungai Ayer Puteh dan Paya Chow di Balik Pulau bagi mengelakkan banjir dan air bertakung?
7. Bilakah Kerajaan akan membina empangan konkrit bagi menggantikan ban buluh di rumah pam air Pokok Kenanga Sungai Titi Teras, Balik Pulau?
8. Apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada penender bagi membersihkan resab jalan dan berapakah lamanya tempoh yang diberi bagi sesuatu pembersihan?
9. Berapakah perbelanjaan bagi memperbaiki Jalan Tun Sardon, Balik Pulau mengikut pecahan berikut:
  - (a) Tanah runtuh
  - (b) Pecahan Jalan
  - (c) Pemaritan
  - (d) Tembok dan tebing jalan?
10. Berapakah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan untuk membaiki Jalan Tun Sardon, Balik Pulau bagi tahun-tahun:
  - (a) 1982
  - (b) 1983
  - (c) 1984
  - (d) Hingga Oktober, 1985?

II. Y.B. Dr. Tan Chong Teik bertanya kepada Ketua Menteri:-

1. Apakah cadangan-cadangan daripada pihak Jawatankuasa Rayuan Cukai Tanah Negeri mengenai kenaikan Cukai Tanah bagi tahun 1985?
2. Apakah rancangan dan projek-projek yang sedang diusahakan untuk tujuan menggalakkan pelancongan di Pulau Pinang?  
Bilakah rancangan-rancangan dan projek-projek berkenaan akan dilaksanakan?
3. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan dan senaraikan:
  - (a) jalan-jalan di keseluruhan perumahan kawasan Sungai Nibong yang belum diambilalih oleh Kerajaan sepertimana soalan yang telah saya kemukakan terdahulu di Mesyuarat Dewan Undangan Negeri pada 8 Julai, 1985 yang lalu?
  - (b) Bilakah jalan-jalan yang belum diambilalih itu akan diambilalih oleh Kerajaan?

4. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan bilakah simpang di Pekan Relau akan ditar dan lampu trafik didirikan bagi membolehkan penduduk-penduduk Relau masuk ke Pekan Relau?
5. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri nyatakan dan senaraikan:
  - (a) kawasan-kawasan banjir di Negeri Pulau Pinang semasa banjir yang berlaku pada bulan Oktober, 1985 baru-baru ini?
  - (b) Bagaimanakah banjir tersebut berlaku?
  - (c) Apakah tindakan yang sedang diambil oleh Pihak-pihak Yang Berkuasa untuk mengelakkan masalah banjir pada masa hadapan?

6. Adakah Jalan Sungai Dua di Pulau Pinang akan diperluaskan dan diperbaiki?

Bilakah kerja-kerja akan dimula dan disiapkan dan bagaimanakah pengaliran lalulintas selepas kerja-kerja memperluaskan telah siap?

7. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa semasa hujan lebat, kawasan-kawasan berikut selalunya banjir:
  - (i) Pantai Jerjak
  - (ii) Kebun sayur-sayuran di belakang kawasan Pesta di Lorong Sungai Dua.
  - (iii) Persimpangan Jalan Tengah dengan Jalan Sungai Nibong.
  - (iv) Pekan Relau
  - (v) Luar Kawasan Zon Perdagangan Bebas Fasa I & II
  - (vi) Sungai Nibong

Jika ya, apakah sebabnya dan langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengelakkan banjir pada masa hadapan?

8. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa parit-parit di sepanjang Jalan Baru Relau ke Pekan Relau dan Jalan Raya Terubong serta Jalan Kampong Batah, Relau semuanya tersekat dan dipenuhi dengan lumpur dan rumput? Jika ya, bilakah kerja-kerja mengorek akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya?

### III. Y.B. Encik Teoh Teik Huat bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Berapakah jumlah sebenar wang dan peratus yang digunakan daripada peruntukan Anggaran Pembangunan yang diper-

untukkan dalam Belanjawan tahun 1985 setakat ini bagi kepala-kepala berikut:

- (i) Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan;
- (ii) Pertanian;
- (iii) Parit dan Taliair;
- (iv) Kerja Raya;
- (v) Haiwan;
- (vi) Hutan;
- (vii) Hal Ehwal Ugama;
- (viii) Kebun Bunga;
- (ix) Luar Jangka.

(b) Berikan pecahan jumlah wang yang digunakan bagi tiap-tiap projek dalam tajuk-tajuk tertentu yang tersebut di atas.

2. Berapakah jumlah wang sebenar dan peratus yang digunakan setakat ini bagi belanjawan mengurus daripada peruntukan dalam Enakmen Bekalan 1985 bagi kepala-kepala berikut:-

- (i) Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan;
- (ii) Tanah dan Galian;
- (iii) Daerah dan Tanah;
- (iv) Parit dan Taliair;
- (v) Hutan;
- (vi) Kebun Bunga;
- (vii) Kedai-kedai Tuak;
- (viii) Kerja Raya;
- (ix) Hal Ehwal Agama;
- (x) Kebajikan Masyarakat;
- (xi) Perancang Bandar dan Kampong;
- (xii) Pejabat Kewangan Negeri;
- (xiii) Haiwan;
- (xiv) Pertanian.

3. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini.

(a) lokasi, keluasan, harga dan tujuan tanah-tanah Kerajaan Negeri yang diberimilik (alienated) kepada UDA dan agensi-agensinya Kerajaan Pusat yang lain setakat ini;

(b) lokasi, keluasan, harga dan tujuan tanah-tanah yang diberimilik kepada syarikat-syarikat swasta setakat ini; dan

(c) adakah semua tanah-tanah yang diberimilik telah digunakan sepenuhnya? Jika tidak, mengapa dan lokasi tanah-tanah yang tidak digunakan.

4. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini:

- (a) jumlah unit rumah yang telah siap dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sejak penubuhannya sehingga kini dengan memberikan lokasi dan lingkungan harga;
- (b) jumlah unit rumah yang telah siap dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang yang masih belum dijual dengan memberi lokasi rumah tersebut dan beri sebab mengapa unit-unit itu belum dijual;
- (c) kos pembinaan tidak termasuk harga tanah bagi seunit rumah pangsa 1 bilik, 2 bilik dan 3 bilik yang dibina oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang; dan
- (d) akaun keuntungan/kerugian Bahagian Perumahan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sejak penubuhannya sehingga ini?

5. (a) Berapa banyakkah ruang pejabat dan ruang membeli-belah yang telah disiapkan di blok podium dan menara KOMTAR setakat ini;

(b) nyatakan jumlah bilangan tingkat dan keluasan ruangan pejabat dan ruang membeli-belah yang telah dijual atau disewa setakat ini;

(c) nyatakan jumlah bilangan tingkat, keluasan dan harga yang dibayar untuk ruang pejabat yang telah dibeli oleh Kerajaan Negeri, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Kerajaan Pusat dan agensi-agensi Kerajaan yang lain, dengan memberi bilangan tingkat di mana terletaknya tiap-tiap jabatan tersebut;

(d) nyatakan jumlah bilangan tingkat dan keluasan ruang pejabat dan ruang membeli-belah yang telah dibeli oleh sektor swasta; dan

(e) nyatakan jumlah bilangan tingkat dan keluasan ruang pejabat dan ruang membeli-belah yang masih belum dijual.

6. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini:

(a) jumlah hutang-piutang yang perlu diselesaikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun ini dan jumlah sebenar wang yang telah digunakan oleh Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan pembayaran pinjaman pada tahun ini;

(b) projek-projek di mana pinjaman tersebut dibuat;

(c) jumlah faedah bagi tiap-tiap pinjaman yang perlu diselesaikan pada tahun ini; dan

(d) jumlah wang yang telah dibayar sebagai denda atas sebab kelambatan membayar balik pinjaman itu, jika ada?

7. (a) Berapakah jumlah kilang yang telah didirikan di lapang kawasan perusahaan di Negeri Pulau Pinang sejak tarikh permulaan penubuhan sehingga ini dengan memberi jumlah bilangan kilang yang didirikan bagi tiap-tiap tahun?  
(b) Berapakah jumlah bilangan kilang yang telah ditutup, jika ada, dalam tempoh yang sama dengan memberikan sebab kilang-kilang itu ditutup dan jumlah pekerja yang telah kehilangan pekerjaan mereka akibat penutupan tersebut?
8. Adakah unit-unit perumahan kos rendah yang telah siap dibina oleh Kerajaan Negeri dalam rancangan-rancangan perumahan Batu Lanchang, Paya Terubong, Jalan Mohd. Saad dan Mak Mandin telah diperuntukkan? Jika ya, berikan pecahan perumahan mengikut kaum bagi tiap-tiap rancangan dan jika belum diperuntukkan, mengapa?
9. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini:
  - (a) bilangan unit perumahan kos rendah Kerajaan Negeri yang dicadang akan dibina di bawah tempoh Rancangan Malaysia Kelima dengan memberikan lokasi di mana unit-unit perumahan itu dibina;
  - (b) jumlah wang yang diperlukan bagi membina unit-unit perumahan kos rendah tersebut; dan
  - (c) bagaimanakah kumpulan wang bagi pembinaan unit-unit perumahan kos rendah tersebut akan diperolehi?
10. (a) Berapakah jumlah tunggakan ansuran bulanan bagi perumahan kos rendah yang belum dibayar oleh penghuni-penghuni kepada Kerajaan Negeri setakat ini?  
(b) Apakah sebab-sebab wang tunggakan terkumpul begitu besar jumlahnya?  
(c) Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mendapatkan balik tunggakan tersebut?
11. (a) Apakah kriteria-kriteria bagi mendapatkan peruntukan unit perumahan kos rendah?  
(b) Berapakah markah yang diberikan kepada setiap kriteria?  
(c) Bagaimanakah sistem markah diberikan?
12. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri berikan butir-butir akaun tahunan setiap anak syarikat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, dengan memberikan keuntungan atau kerugian setiap syarikat sejak ditubuhkan dan apakah sebab-sebab ianya mengalami kerugian, jika ada?

13. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini:
- (a) jumlah wang hasil yang telah dikutip oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 1985 setakat ini; dan
  - (b) jumlah wang hasil yang telah dikutip bagi tahun 1985 di bawah kepala-kepala berikut:
    - i) Premium tanah – pemberian hakmilik;
    - ii) Lesen-lesen dan permit-permit bagi mengeluarkan bahan-bahan batu; dan
    - iii) Hasil tanah.
